

**PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KEENAM BELAS
NEGERI SABAH**

ATURAN URUSAN MESYUARAT

HARI RABU, 24 MEI 2023, PUKUL 10:00 PAGI

Bil. 03

PERTANYAAN-PERTANYAAN UNTUK JAWAPAN LISAN

- *1. **YB. Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, berapakah *megawatt* (MW) tenaga dari solar power yang kini dijana di Sabah dan apakah sasaran tenaga dari solar power yang diperlukan di Sabah.
- *2. **YB. Dr. Daud bin Yusof [Bongawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN SABAH:-**
 - a) berapakah peratus tahap sara diri (SSL) bagi pengeluaran daging ternakan ruminan dan pengeluaran susu ternakan lembu tenusu di negeri Sabah; dan
 - b) apakah rancangan jangka masa panjang kementerian untuk mengurangkan kebergantungan import hasil ternakan dari luar negara.
- *3. **YB. Datuk Amisah Yassin [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, apakah status pembinaan Muzium Kebudayaan dan Kesenian suku kaum Dusun di Ranau memandangkan upacara perasmian tapak sudah dibuat beberapa tahun yang lalu.
- *4. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, apakah proses pemantauan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK), Jawatankuasa Dalam Bandar (JKDB) dan Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPPM) dalam menjalankan tugas dan mengawal selia peruntukan untuk membaiki projek infrastruktur kampung.
- *5. **YB. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, apakah pihak kementerian mempunyai perancangan jangka panjang untuk mewujudkan sebuah kawasan sama ada pekan atau bandar yang lebih teratur dan akan menjadi ikon serta mercu tanda Sabah Maju Jaya selari dengan pelan pembangunan Sabah Maju Jaya.

- *6. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, mengapakah kerajaan masih lagi mengenakan cukai 7.5% sedangkan industri perladangan masih lagi berhadapan dengan kekurangan pekerjaan.
- *7. **YB. Datuk Dr. Yusof @ Josree Yacob [Sindumin]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**:
- a) apakah status bagi pembinaan jalan perhubungan Mendulong- Meligan, Meligan - Long Pasia; dan
 - b) adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk pembinaan jalan dari Kg Long Pasia ke sempadan Sabah - Kalimantan.
- *8. **YB. Datuk Raime Unggi [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT:-**
- a) apakah ada bentuk bantuan atau geran yang diterima oleh pihak kementerian daripada kerajaan persekutuan; dan
 - b) jika ada, berapakah jumlah yang diterima setiap tahun.
- *9. **YB. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]** bertanya kepada **MENTERI SAINS TEKNOLOGI DAN INOVASI**, apakah status terkini program JENDELA dan apakah manfaat atau kesan yang dirasai oleh masyarakat daripada pelaksanaan program ini di seluruh Sabah.
- *10. **YB. Datuk Raime Unggi [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DAN KEUSAHAWANAN**, apakah masalah yang dihadapi oleh pihak kementerian untuk mempertingkatkan Industri Kecil dan Sederhana di negeri Sabah.
- *11. **YB. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]** bertanya kepada **MENTERI BELIA DAN SUKAN**, apakah usaha dan inisiatif kementerian untuk memastikan sukan tradisi atau aktiviti riadah yang sihat dan mampu mengeratkan silaturahim masyarakat dapat diketengahkan oleh golongan belia daripada pelbagai peringkat umur setiap lapisan masyarakat di negeri ini bagi memastikan perpaduan kaum terus dimartabatkan.
- *12. **YB. Tuan Hj. Dumi bin Pg Masdal [Silam]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah tindakan kerajaan dalam mengatasi kesesakan lalu lintas yang begitu teruk terutama di kawasan KM4 dari lampu isyarat simpang POIC ke Jalan Silabukan yang mengakibatkan pergerakan yang sukar terutama waktu puncak pagi dan petang.

- *13. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, apakah perkembangan berkaitan dengan Terminal Bas Bersepadu Sandakan yang sehingga ke hari ini tidak ada maklumat berkenaan dan bilakah terminal bas tersebut akan memulakan operasinya.
- *14. **YB. Datuk Dr. Yusof @ Josree Yacob [Sindumin]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR:-**
- a) adakah kerajaan negeri Sabah mempunyai program ransangan ekonomi komprehensif bagi membantu golongan miskin untuk meningkatkan ekonomi mereka; dan
 - b) berapakan statistik penduduk Sabah yang berdaftar dalam pangkalan data e-kasih.
- *15. **YB. Datuk Raime Unggi [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, adakah pihak kerajaan bercadang untuk menaik taraf pusat pentadbiran di setiap daerah dalam negeri Sabah.
- *16. **YB. Datuk Mohd Arsad bin Bistari [Tempasuk]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSRIAN DAN KEUSAHAWANAN**, apakah perancangan yang boleh diambil oleh pihak kementerian bagi mewujudkan lebih banyak taman industri di Sabah khususnya di kawasan daerah Kota Belud.
- *17. **YB. Tuan Hj. Dumi bin Pg Masdal [Silam]** bertanya kepada **MENTERI BELIA DAN SUKAN**, apakah perancangan kerajaan untuk kemajuan belia-belia terutamanya belia di Lahad Datu.
- *18. **YB. Datuk Amisah Yassin [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, adakah kementerian berhajat untuk membekalkan sistem seperti *Sabah Parks Unified Monitoring System* di kawasan pelancongan dan peranginan di Sabah.
- *19. **YB. Datuk Seri Panglima Hj. Mohd Shafie bin Hj. Apdal [Senallang]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III/ MENTERI KERJA RAYA**, apakah langkah bagi mengatasi masalah bekalan elektrik di Sabah yang akan menyebabkan pelabur tidak berminat untuk beroperasi di Sabah.
- *20. **YB. Datuk Dr. Yusof @ Josree Yacob [Sindumin]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT:-**
- a) adakah kementerian mempunyai perancangan untuk membina kiosk perniagaan khas untuk golongan wanita bagi meningkatkan ekonomi mereka khususnya ibu tunggal; dan

- b) jelaskan inisiatif yang diambil kementerian untuk membantu golongan wanita terutama ibu tunggal.
- *21. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, mengapakah Penilaian Impak Alam Sekitar bagi Pelombongan Pasir Silika di Sikuati, Kudat di pecah belah dan bukan dibuat secara keseluruhan, dan bagaimanakah proses Penilaian Impak Alam Sekitar boleh diakses secara umum dan terbuka.
- *22. **YB. Datuk Raime Unggi [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah bahan galian mineral yang terdapat di negeri Sabah selain minyak dan gas yang telah memberi hasil pendapatan kepada negeri Sabah.
- *23. **YB. Datuk Dr. Yusof @ Josree Yacob [Sindumin]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT:-**
- a) adakah kementerian sentiasa memantau perkhidmatan Jabatan Kebajikan Am yang ada di setiap daerah; dan
- b) jelaskan kenapakah status permohonan bantuan terlalu lama untuk diproses dan banyak yang tidak ada maklumat status permohonan.
- *24. **YB. Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, adakah kapasiti bekalan elektrik pada masa ini mencukupi untuk menampung keperluan pengguna terutama sekali di kawasan Moyog memandangkan gangguan bekalan elektrik sering berlaku setiap minggu.
- *25. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, adakah perancangan kementerian untuk mewujudkan kawasan pertanian di kawasan bandar (perumahan / tanah rizab) untuk golongan B40 bagi membantu mereka mengurangkan kos perbelanjaan isi rumah khususnya di DUN N.41 Liawan dengan menyediakan geran modal permulaan.
- *26. **YB. Tuan Hj. Dumi bin Pg Masdal [Silam]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, apakah langkah-langkah yang dalam menangani isu kelewatan lori-lori pengangkut sampah di kawasan taman perumahan di sekitar Bandar Lahad Datu sehingga tiga ke empat hari dan mendatangkan bau serta berselerak.
- *27. **YB. Tuan Alias bin Sani [Sekong]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah punca bekalan air di Sandakan masih masin dan ini amat yang membahayakan kesihatan penduduk di Sandakan khususnya.

- *28. **YB. Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN:-**
- a) adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk mengatasi masalah harga daging khinzir yang masih tinggi di Sabah yang dan paling termahal di seluruh Malaysia; dan
 - b) berapakah lesen telah dikeluarkan untuk mengimport daging khinzir.
- *29. **YB Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN:-**
- a) bagaimanakah pihak kerajaan memantau bagi memastikan kawasan setinggan tidak bertambah di sekitar negeri Sabah; dan
 - b) adakah Dewan Bandaraya Kota Kinabalu mempunyai sasaran untuk mencapai setinggan sifar.
- *30. **YB. Datuk Dr. Yusof @ Josree Yacob [Sindumin]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN:-**
- a) apakah langkah yang diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan hasil pertanian negeri; dan
 - b) jelaskan rancangan kementerian untuk membantu petani kecil di Sabah.
- *31. **YB. Datuk Seri Panglima Hj. Mohd Shafie bin Hj. Apdal [Senallang]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, apakah tindakan kerajaan negeri agar hasil keuntungan syarikat perladangan kelapa sawit yang beroperasi di Sabah turut dinikmati penduduk tempatan kerana terdapat syarikat tersebut sudah lama beroperasi di Sandakan namun tiada sumbangan ekonomi yang signifikan kepada pertumbuhan ekonomi di Sandakan dan di daerah Keningau.
- *32. **YB. Tuan Mokran bin Ingkat [Sungai Manila]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, kenapakah stesen bas Sandakan belum beroperasi dan bilakah ia akan mula beroperasi.
- *33. **YB. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah status terkini jalan-jalan kampung di daerah Nabawan untuk dinaik taraf kepada jalan konkrit atau berturap iaitu, Jalan Kg. Pemuntarian, Jalan Kg. Pontas, Jalan Kg. Kalas, Jalan Kg. Loboh dan Jalan Kg. Enam.

- *34. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, apakah tindakan yang telah dilaksanakan untuk mempertingkatkan penguatkuasaan Enakmen Kebajikan Haiwan 2015.
- *35. **YB. Tuan Arunarnsin bin Taib [Gum-Gum]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, bilakah jambatan yang runtuh di jalan bypass Batu 16 ke Batu 32 check point akan dibaiki kerana kerap kali nelayan Kampung Gum-Gum dan enjin serta perahu penduduk terlanggar besi-besi yang runtuh di tengah-tengah sungai tersebut.
- *36. **YB. Tuan Tuan Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah formula yang digunakan oleh kerajaan bagi Perkara 112D Pemberian Khas kepada negeri Sabah.
- *37. **YB. Puan Norazlinah binti Arif [Kunak]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA:-**
- a) adakah kontrak syarikat Asas Prisma Sdn Bhd sebagai syarikat penyelenggara Jalan Tingkayu masih berkuatkuasa sehingga kini; dan
 - b) siapakah yang melaksanakan dan siapa pula yang memantau kerja-kerja penyelenggaraan Jalan Tingkayu memandangkan secara fizikal kerja penyelenggaraan terhadap jalan tersebut tidak dilakukan untuk suatu tempoh yang agak lama.
- *38. **YB. Datuk Mohd Arsad bin Bistari [Tempasuk]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah langkah yang boleh diambil oleh pihak kementerian bagi memastikan bekalan air terutamanya di kawasan kampung-kampung yang berada di kawasan DUN Tempasuk tidak mengalami gangguan walaupun bukan pada musim hujan kerana kekerapan berlakunya masalah bekalan air menjejaskan urusan seharian penduduk kampung.
- *39. **YB. Datuk Poon Ming Fung @ Frankie [Tanjong Papat]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah status atau statistik yang diperolehi melalui Sistem Pengurusan Bersepadu Pekerja Asing Dan Bukan Pemastautin Negeri Sabah (SWIMS).
- *40. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, adakah perancangan untuk mengetatkan lagi sistem sekuriti di Loji Rawatan Air Segaliud agar tidak berlaku lagi kes pecah masuk yang menjejaskan bekalan air penduduk Sandakan sehingga ke hari ini.

- *41. **YB. Puan Rina binti Haji Jainal [Kukusan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah perancangan Kementerian mengenai rumah kuarters kerajaan yang kosong di sekitar mukim Banyan.
- *42. **YB. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, adakah pihak kerajaan negeri mempunyai sebarang kajian atau tindakan terkini untuk melakukan persempadanan semula bagi cadangan menambah kawasan Parlimen dan DUN di negeri ini.
- *43. **YB. Datuk Hamild @ Hamid Bin Hj. Awang [Balung]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, adakah perancangan Kementerian untuk melaksanakan projek bekalan air luar bandar di Kampung Bukit Quoin, Kampung Serudung Baru dan Kampung Kalumpang dalam kawasan DUN N67 Balung dan di daerah Tawau.
- *44. **YB. Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI:-**
- a) berapakah delegasi pelaburan kerajaan Sabah, agensi dan syarikat kerajaan ke luar negara pada tahun 2021, 2022, 2023 (sehingga bulan April 2023); dan
 - b) senaraikan objektif delegasi dan adakah tercapai objektif tersebut, negara yang dilawati, dan kos yang terlibat.
- *45. **YB. Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah langkah jangka panjang dan pendek untuk mengatasi bekalan air di negeri Sabah khususnya di Semporna.
- *46. **YB. Dr. Daud bin Yusof [Bongawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN:-**
- a) adakah Kementerian merancang untuk menaiktaraf sawah-sawah padi terbiar di Sabah dan sekiranya ada, adakah DUN Bongawan termasuk di dalam perancangan tersebut; dan
 - b) berapakah jumlah keluasan bertanam bagi sawah padi dan peratus tahap sara diri (SSL) pengeluaran padi di negeri Sabah pada masa kini.
- *47. **YB. Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI:-**
- a) berapakah lantikan politik yang telah diberikan “status menteri” dan apakah jawatan-jawatan tersebut; dan

- b) berapakah implikasi kewangan pelantikan tersebut.
- *48. **YB. Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, adakah Kerajaan Sabah bercadang memohon kepada kerajaan persekutuan untuk menaiktaraf Sabah Labour Ordinance 1950 dan sekiranya ada, apakah proviso-proviso pindaan yang kerajaan Sabah akan cadangkan.
- *49. **YB Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA:-**
- a) apakah inisiatif kerajaan untuk memastikan kawasan-kawasan yang terputus bekalan air sentiasa mendapat bekalan berterusan; dan
- b) apakah paras empangan yang terkini memandangkan Sabah sedang dilanda musim panas/kemarau.
- *50. **YB. Datuk Seri Panglima Hj. Mohd Shafie bin Hj. Apdal [Senallang]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, adakah kerajaan negeri menetapkan garis masa (timeline) kepada kerajaan persekutuan berkenaan penurunan kuasa. (Merujuk kepada pelan tindakan Suruhanjaya Cobbold, penurunan kuasa ke Sabah harus dibuat dalam jangka masa 3 hingga 7 tahun selepas penubuhan Malaysia).
- *51. **YB. Tuan Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah status tuntutan kerajaan mengenai Perkara 112c Perlembagaan Persekutuan.
- *52. **YB. Tuan Alias bin Sani [Sekong]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, berapa anggaran jumlah zakat perniagaan yang telah dibayar oleh Petronas dan syarikat milik kerajaan persekutuan dan negeri kepada MUIS sejak 2018 hingga 2022.
- *53. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **TIMBALAN MENTERI III/ MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, apakah status langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan usaha untuk menaiktaraf daerah Penampang ke Majlis Perbandaran dicapai pada masa yang terdekat.
- *54. **YB. Datuk Suhaimi bin Haji Nasir [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, mengapa kerajaan negeri tidak senaraikan pembinaan Jalan Libaran Bypass sebagai projek keutamaan dalam Rolling Plan 4 Rancangan Malaysia Ke 12 kepada kerajaan pusat.
- *55. **YB. Tuan Hj. Jamil bin Datuk Haji Hamzah [Bugaya]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, mohon dinyatakan secara terperinci cadangan ataupun rancangan

kerajaan untuk menjaga kebajikan imam-imam khususnya kenaikan gaji-gaji imam yang sudah sekian lama tidak ada kenaikan.

- *56. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, adakah perancangan kementerian untuk membina Rumah PPR tambahan untuk memenuhi keperluan tempat kediaman khususnya di DUN N.41 Liawan.
- *57. **YB. Tuan Mohammad bin Mohamarin [Banggi]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, adakah Kementerian Kerja Raya merancang untuk membina takungan air di loji rawatan air Pulau Banggi dan jika ada bilakah ia dijangka akan dibina.
- *58. **YB. Datuk Poon Ming Fung @ Frankie [Tanjong Papat]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, adakah kerajaan negeri mempunyai rancangan untuk mencadangkan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan untuk menurunkan kuasa pentadbiran kesihatan dan pendidikan kepada Sabah.
- *59. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, mohon penjelasan kementerian kenapa hanya Syarikat Kejuruteraan Jutakaya sahaja yang menjaga Sistem Pengawasan Kebakaran Automatik (SPKA) di seluruh Sabah.
- *60. **YB. Datuk Suhaimi bin Haji Nasir [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, adakah pihak kementerian dan MPS bercadang untuk membina segera takungan air bagi menampung keperluan rakyat di kawasan Kampung Sungai Monyet, Kampung Dandulit, Kampung Banting dan Kampung Kuala Gum-Gum yang masih belum menerima bekalan air.
- *61. **YB. Puan Rina binti Haji Jainal [Kukusan]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah perkembangan terkini terhadap perancangan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang akan menjadi perantara semak dan imbang bagi pengurusan di bawah Suruhanjaya Tenaga.
- *62. **YB. Datuk Mohd Arsad bin Bistari [Tempasuk]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, apakah inisiatif yang boleh diambil oleh pihak kementerian terhadap konsesi yang dilantik bagi menyelenggara jalan-jalan kampung untuk memastikan penjadualan penyelenggaraan jalan konsesi ini lebih sistematik agar kerosakan jalan raya yang sebelum ini memerlukan masa yang lama untuk diselenggara dapat dipercepatkan.
- *63. **YB. Tuan Mokran bin Ingkat [Sungai Manila]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, mengapakah belum ada tindakan untuk membaiki dan menyelenggara lampu-lampu jalan yang tidak menyala di jalan-jalan utama di Sandakan, khususnya Jalan Labuk

daripada Batu 7 hingga ke Batu 16 (Gum-Gum) dan di Jalan Sungai Batang (Batu 10) dalam kawasan Majlis Perbandaran Sandakan.

- *64. **YB. Tuan Arunarnsin bin Taib [Gum-Gum]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, mengapakah bekalan air bersih oleh Jabatan Air Sandakan adalah masin sejak dari oktober tahun lepas sehingga kini dan air dari Sungai Segaliud atau loji air ini adalah tidak sesuai digunakan kerana dikelilingi oleh tanaman kelapa sawit yang berkemungkinan bercampur dengan racun tanaman kelapa sawit.
- *65. **YB. Tuan Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah langkah yang diambil oleh kerajaan bagi menangani masalah bekalan air di sabah dalam jangka masa pendek dan panjang khususnya Lahad Datu dan Tungku.

* Pertanyaan-pertanyaan yang tidak sempat dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis.